

Wan Rosdy umum portfolio 10 Exco

[Asrol Awang](#)

am@hmetro.com.my



WAN Rosdy (duduk, tengah) bergambar bersama 10 Exco) Pahang. FOTO Asrol Awang

Kuantan: Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail hari ini, mengumumkan portfolio 10 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pahang.

Wan Rosdy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jelai memegang portfolio Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.

Selain itu, Wan Rosdy turut memegang portfolio Pembangunan Ekonomi, Perladangan dan Komoditi.

Adun Benta, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak memegang portfolio Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan.

Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad yang juga Adun Kerdau memegang portfolio Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli.

Adun Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff memegang portfolio Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan.

Razali Kassim yang juga Adun Muadzam Shah memegang portfolio Felda, Koperasi dan Usahawan manakala Adun Pelangai, Datuk Seri Johari Harun memegang portfolio Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Adun Peramu Jaya, Datuk Mohamad Nizar Mohamad Najib memegang portfolio Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Adun Guai, Datuk Sabariah Saidan memegang portfolio Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Adun Dong, Fadzli Mohamad Kamal pula memegang portfolio Komunikasi dan Multimedia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan.

Sim Chon Siang yang juga Adun Teruntum memegang portfolio Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia manakala Adun Triang, Leong Yu Man memegang portfolio Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan.

Sementara itu, Wan Rosdy pada sidang media di Wisma Sri Pahang, di sini mengharapkan Exco mengetepikan sentimen politik dan perbezaan ideologi masing-masing.

Justeru, katanya, kerjasama dapat dilakukan sebagai satu pasukan yang mantap bagi memastikan segala agenda pembangunan negeri dan kebajikan rakyat dapat terus dilaksanakan dengan cemerlang.

"Laksanakanlah setiap tugas yang diberikan ini dengan penuh rasa tanggungjawab dan amanah agar hasrat untuk menjadikan Pahang sebagai sebuah negeri maju akan tercapai.

"Selain itu, saya mengharapkan rakyat Pahang juga dapat memberi kepercayaan dan sokongan kepada kerajaan negeri yang baharu dibentuk ini demi kestabilan dan kemakmuran negeri," katanya.

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15), Barisan Nasional (BN) memperoleh 17 kerusi daripada 42 kerusi DUN dan Pakatan Harapan (PH) memperoleh lapan kerusi, manakala Perikatan Nasional (PN) pula memperoleh 17 kerusi.

Berikutan itu, tiada parti memperoleh majoriti mudah untuk membentuk kerajaan negeri mendorong gabungan BN dan PH.

Disiarkan pada: Disember 14, 2022 @ 11:39am